

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(III)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB. ONG AH TEONG**

13. Apakah strategi dan usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan Kementerian Pengangkutan meluluskan cadangan pembesaran kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Menurut Kementerian Pengangkutan, pihaknya melalui *Malaysia Airports Holdings Berhad* (MAHB) sedang merancang untuk melaksanakan *terminal optimization* bagi mengurangkan kesesakan penumpang terutama ketika waktu puncak sebagai langkah mitigasi jangka pendek. Bagi pelaksanaan perkara ini, *Malaysia Airports Holdings Berhad* (MAHB) sedang dalam proses penyediaan dokumen tender bagi melantik kontraktor dan kerjasama pengubahsuaian akan mengambil masa sehingga lima (5) bulan untuk siap pada Februari 2019.

Sebagai langkah jangka masa panjang pula, Kerajaan Negeri sedang mengadakan perbincangan bersama Kementerian Pengangkutan serta *Malaysia Airports Holdings Berhad* (MAHB) untuk mempertingkatkan kapasiti pengendalian penumpang daripada 6.5 juta penumpang setahun *Million Passengers Per Annum* (MPPA) yang sedia ada. Dalam hal ini, pihak *Malaysia Airports Holdings Berhad* (MAHB) sedang melaksanakan proses perlantikan juruperunding yang dijalankan melalui proses tender terbuka. Perincian kos keseluruhan projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) adalah tertakluk kepada kajian terperinci yang akan dilaksanakan oleh pihak juruperunding yang akan dilantik dan kaedah pembiayaan yang dipilih.

